

GST: JKDM Sasar 5,000 Peniaga Berdaftar Tahun Ini
Bernama
Jun 10, 2014

KOTA BAHARU, 10 Jun (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyasarkan sebanyak 5,000 peniaga membuat pendaftaran untuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan pihaknya pada tahun ini.

Ketua Pengarah JKDM Datuk Seri Khazali Ahmad berkata sehingga kini, sebanyak 420 peniaga telah berdaftar dengan JKDM secara sukarela dan mengisytiharkan menjalankan perniagaan dengan jualan tahunan berjumlah RM500,000.

"Kita menggalakkan mereka berdaftar lebih awal bagi mengelakkan berlaku kesulitan di saat akhir.

"Pada Januari 2015, semua peniaga yang terlibat diwajibkan berdaftar tanpa kompromi dan mereka yang gagal berdaftar sebelum pelaksanaan GST pada 1 April 2015 akan dikenakan tindakan undang-undang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bangunan Pejabat Kastam Kelantan di Jalan Sultan di sini, hari ini.

Bangunan tiga tingkat itu yang melibatkan kos pembinaan kira-kira RM5 juta mula beroperasi pada 2012.

Cukai tunggal GST pada kadar 6 peratus akan menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan sedia ada yang berkadar keseluruhan 16 peratus dan ia adalah sebagai langkah menyusun semula struktur percukaian negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045104>